

Pemimpin Amanah vs Pemimpin Khianat

Bahang PRU15 semakin terasa memenuhi suasana politik Malaysia. Manakan tidak, seramai 946 calon didaftarkan akan bertanding untuk merebut hanya 222 kerusi parlimen manakala 434 calon berdaftar akan bertanding untuk merebut kerusi-kerusi DUN di tiga negeri. Dengan beberapa hari tinggal sebelum pilihanraya, para calon sibuk berkempen dan menabur janji agar mereka dipilih oleh rakyat.

Di pihak pengundi pula, mereka masih berkira-kira siapakah di antara calon tersebut yang layak diundi untuk memimpin mereka nanti. Di dalam kehairahan memilih, adakah mereka sedar bahawa terdapat dua jenis pemimpin di dunia ini?

- **Pertama**, pemimpin yang amanah
- **Kedua**, pemimpin yang khianat

Bagaimanakah untuk kita mengenali mereka ini?

Amanah di Dalam Kepimpinan

Islam telah meletakkan sifat amanah sebagai satu sifat yang amat terpuji sehingga apabila seseorang pemimpin melaksanakan tugasnya dengan penuh amanah, ia akan akan mendapat keredhaan Allah (swt) manakala jika ia berkhianat, ia akan dibenci dan dilaknat oleh Allah (swt). Malah pengkhianatannya itu akan diperlihatkan oleh Allah (swt) sebagai satu penghinaan ke atasnya di akhirat kelak.

Justeru, setiap pemimpin bertanggungjawab ke atas setiap amanah yang diberikan kepadanya. Rasulullah (saw) bersabda,

“Setiap kalian adalah pemimpin dan setiap kalian akan dimintai pertanggungjawaban atas kepemimpinannya.”

[HR al-Bukhari dan Muslim].

Hadis Rasulullah (saw) ini menunjukkan bahawa kepimpinan merupakan suatu amanah yang akan dipertanggungjawabkan oleh Allah (swt) di akhirat kelak. Disebabkan amanah yang berat ini akan dipersoalkan di hari akhirat, maka generasi salafus-salih pada masa lalu sangat takut dengan beban amanah kepimpinan yang berkaitan dengan pemerintahan dan kekuasaan. Namun, situasi hari ini amat berbeza di mana ramai di antara kita bersaing dan berebut-rebut untuk menjadi pemimpin.

Seseorang pemimpin itu hanya akan dikatakan amanah apabila ia melaksanakan tanggungjawabnya sesuai dengan apa yang telah ditetapkan oleh syariat Islam. Firman Allah (swt):

“... dan hendaklah kamu memutuskan perkara di antara mereka menurut apa yang diturunkan Allah, dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka. Dan berhati-hatilah kamu terhadap mereka, supaya mereka tidak memalingkan kamu dari sebahagian apa yang telah diturunkan Allah kepadamu. Jika mereka berpaling

(dari hukum yang telah diturunkan Allah), maka ketahuilah bahwa sesungguhnya Allah menghendaki akan menimpakan mushibah kepada mereka disebabkan sebahagian dosa-dosa mereka. Dan sesungguhnya kebanyakan manusia adalah orang-orang yang fasik”

[TMQ al-Ma'idah (5):49].

Inilah tugas yang harus dilaksanakan oleh pemimpin yang mempunyai sifat amanah dan integriti yang sebenar. Ia bukanlah sekadar menjaga tingkah laku sopan yang diukur dari kaca mata manusia, tetapi ianya akan dinilai oleh Allah (swt) dari segi pematuhan dan pelaksanaan hukum syara' di dalam setiap aspek kehidupan.

Pengkhianatan di Dalam Kepimpinan

Generasi salafus-salih amat mengerti betapa beratnya tanggungan beban amanah sebagai seorang pemimpin dan pemerintah. Banyak nas yang menerangkan hal ini, misalnya sabda Rasulullah (saw):

“Tidak seorang hamba pun yang diserahi oleh Allah (swt) untuk memelihara dan mengurus kemaslahatan rakyat, lalu dia tidak melingkupi rakyat dengan nasihat, kecuali dia tidak akan mencium bau syurga.”

[HR Bukhari]

Begitu juga dengan sebuah hadis yang lain menyatakan, Rasulullah (saw) bersabda:

“Tidaklah seorang penguasa diserahi urusan kaum Muslim, kemudian ia mati, sedangkan ia mengabaikan urusan tersebut, kecuali Allah mengharamkan syurga untuk dirinya.”

[HR Bukhari dan Muslim].

Terkait dengan hadis ini, Imam Fudhail bin Iyadh menuturkan, “Hadis ini merupakan ancaman bagi sesiapa sahaja yang diserahi Allah (swt) untuk mengurus urusan kaum Muslimin, baik urusan agama mahupun dunia, kemudian dia berkhianat kerana menyimpang daripada memenuhi urusan itu. Jika seseorang berkhianat dengan sengaja terhadap suatu urusan yang telah diserahkan kepadanya maka dia telah melakukan dosa yang besar dan ini menjauhkannya dari syurga. Pengabaian yang dimaksudkan itu adalah dengan sengaja tidak melaksanakan urusan agama terhadap umat, tidak menjaga syariah Allah daripada unsur yang boleh merosakkan kesuciannya, mengubah makna ayat Allah dan mengabaikan hudud (hukum Allah). Pengabaian juga boleh wujud dalam bentuk pengabaian terhadap hak umat, tidak menjaga keamanan dan kesejahteraan mereka, tidak berjihad untuk mengusir musuh dan tidak menegakkan keadilan di tengah-tengah mereka. Setiap orang yang melakukan hal ini dipandang telah mengkhianati umat.” [Imam an-Nawawi, *Syarh Shahih Muslim*].

Kestabilan Politik Hanya Wujud dengan Sistem Khilafah

Sempena Pilihanraya Umum ke 15 (PRU15) ini, di antara hujah yang banyak dicanangkan adalah tentang betapa pentingnya Malaysia mempunyai kestabilan politik untuk memastikan agar kestabilan ekonomi dapat diraih. Dikatakan pula bahawa apabila kerajaan yang memerintah itu kuat dan stabil, maka banyak projek pembangunan dapat dilaksanakan untuk rakyat.

Namun, jika kita mengimbu kisah PRU yang lalu, kita akan dapati bahawa walaupun kerajaan yang memerintah pada ketika itu amat stabil dan kuat, kemelesetan ekonomi tetap juga berlaku. Contohnya kemelesetan yang berlaku sekitar tahun 1986, 1997 dan 2008, membuktikan bahawa hujah tersebut tidak berasas. Contoh lain adalah kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika yang juga membuktikan bahawa kestabilan politik gagal untuk memastikan kestabilan nilai matawang sesebuah negara.

Di dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem ekonomi kapitalis, kemelesetan ekonomi akan tetap berlaku kerana ia adalah masalah sistemik yang pasti akan muncul disebabkan asas ribawi yang menjadi teras kepada pelbagai transaksi kewangan. Hakikatnya, di sebalik slogan kestabilan politik yang dicanangkan, apa yang dimaksudkan adalah penguasaan mutlak parti yang memerintah ke atas mekanisme pengagihan kekayaan di dalam negara. Kerajaan yang dibentuk oleh parti pemerintah akan memiliki kuasa dan kemudahan untuk mengawal dan mengagihkan kekayaan di dalam negara. Inilah sebenarnya maksud di sebalik naratif 'politik stabil' sebagai 'modal' bagi mendapatkan mandat dari rakyat - mandat untuk meraih seberapa banyak manfaat yang akan tersedia nanti.

Adapun di dalam Islam, kestabilan politik sedia wujud sebaik sahaja Sistem Pemerintahan Khilafah didirikan. Ini adalah kerana, di dalam Sistem Khilafah, tidak wujud konsep parti yang memiliki kuasa dominan sebagai parti pemerintah. Konsep ini tidak pernah ada sepanjang sejarah pemerintahan Islam. Apa yang wujud adalah Khalifah sebagai ketua negara dan Majlis Umat selaku saluran untuk melakukan muhasabah terhadap Khalifah yang akan terus berada di tampuk kepimpinan selagimana dia melaksanakan sepenuhnya hukum syara'. Dan dialah yang akan menjadi penjaga paling utama atas segala urusan umat. Harta kekayaan negara bukan untuk dibolot oleh mana-mana parti tetapi sebaliknya terpulang kepada Khalifah, dengan berpandukan syariat Islam, bagaimana ia harus diagihkan. Inilah kaedah kepimpinan tunggal yang ditunjukkan oleh para sahabat.

Kestabilan politik di dalam Sistem Khilafah dicapai bukan kerana faktor manusiawi tetapi kerana ia adalah sistem yang berasaskan kepada nas syara'. Jadi, kestabilan politik yang dimaksudkan disini adalah kestabilan yang berasaskan kepada pimpinan daripada wahyu dan umat hanya menjalankannya sesuai dengan kehendak wahyu dari Sang Pencipta Alam Semesta.

Inilah bentuk pengkhianatan yang paling dibenci oleh Allah (swt) dan Rasul (saw). Seorang pemimpin yang khianat ini, di akhirat kelak, tidak boleh menyembunyikan diri kerana mereka akan diazab dengan memikul panji khas agar manusia mengenali mereka sebagai pengkhianat ketika itu. Dari Abu Sa'id al-Kudri, Rasulullah (saw) bersabda:

"Setiap pengkhianat diberi panji pada Hari Kiamat yang diangkat sesuai kadar pengkhianatannya. Ketahuilah, tidak ada pengkhianat yang lebih besar pengkhianatannya daripada pemimpin masyarakat (penguasa)."

[HR Muslim, Ahmad, Abu 'Awanah dan Abu Ya'la]

Di dalam hadis ini, pengkhianatan paling besar digambarkan bagi mereka yang diberikan jawatan pemerintahan dan kekuasaan. Mengapakah pengkhianatan paling besar ini dirujuk kepada para pemimpin? Hal ini adalah kerana pengkhianatan yang dilakukan oleh pemimpin sudah tentu akan menyebabkan kerosakan yang lebih luas, bukan hanya melibatkan beberapa orang, tetapi seluruh masyarakat dan negara.

Misalnya, jika pemimpin tidak menerapkan hukum syarak berkaitan ekonomi Islam, sebaliknya mereka melaksanakan sistem ekonomi kapitalisme dan ribawi, maka masyarakat akan berhadapan dengan inflasi yang buruk, dicengkam beban hutang yang tinggi, kemiskinan akan berleluasa, jurang ekonomi antara kaya dan miskin terus bertambah dan akan berlaku kemelesetan ekonomi yang tidak berkesudahan. Jika pemimpin tidak menerapkan hukum pergaulan lelaki-perempuan dan sebaliknya membiarkan pemuda-pemudi bebas bergaul, maka masyarakat akan terus mengalami pelbagai masalah sosial seperti keruntuhan akhlak, perzinaan, jenayah rogol dan lain-lain lagi akibat ehwal sosial yang tidak diatur oleh Islam.

Begitulah kesan daripada pemimpin yang tidak menerapkan hukum Allah (swt) sebaliknya memilih untuk melaksanakan hukum atau undang-undang selain Syariat Islam untuk digunapakai oleh masyarakat. Firman Allah (swt);

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul, dan (juga) janganlah kamu menkhianati amanah yang telah dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahuinya"

[TMQ al Anfal (8) : 27]

Khatimah

Kita perlu sedar bahawa sifat amanah di dalam kepimpinan bukanlah sekadar tidak mengambil rasuah, menepati masa atau melaksanakan tugas dengan cekap dan berkesan, tetapi ia jauh lebih luas dari itu sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam nas - yakni melaksanakan seluruh hukum syara' ke atas umat Islam dan menjaga hak mereka seperti yang termaktub dalam al-Quran dan sunnah Rasul-Nya. Mana-mana pemimpin yang telah diberikan kekuasaan ke atas umat Islam wajib melaksanakan perkara tersebut dan jika tidak, dia telah melakukan helah dan pengkhianatan ke atas umat. Oleh yang demikian, umat Islam yang berhasrat untuk memilih pemimpin mereka perlulah merenung kembali dan berhati-hati di dalam memilih pemimpin agar tidak salah memilih. Ini adalah kerana, setiap pilihan yang diberikan akan ditanya oleh Allah (swt) di akhirat kelak.

Wallahualam.